

18/04/2004

Atasi kelemahan PKN melalui 'post mortem'

Johari Ibrahim

PROGRAM Khidmat Negara (PKN) yang bertujuan melahirkan generasi muda cemerlang dan terbilang sedikit tercalar berikutan insiden pergaduhan di kalangan sebilangan kecil pesertanya.

Walaupun Pengerusi Majlis Latihan PKN (MLPKN), Profesor Datuk Dr Ahmad Fawzi Basri memberi jaminan isu berkenaan terkawal, namun usaha pemulihan sepanjang tempoh latihan tetap diteruskan. Cuma dikhuatirkan kerana nila setitik rosak susu sebelanga.

Apakah soal disiplin ini menyebabkan konsep dan pelaksanaan program PKN perlu dikaji semula agar ia benar-benar mencapai matlamat? Wartawan Berita Minggu (BM), JOHARI IBRAHIM menemubual Dr Ahmad Fawzi di Alor Star, Kedah, kelmarin untuk melihat isu berkenaan dan cara mengatasinya bagi melahirkan generasi muda yang berwawasan.

PADA pandangan Datuk, adakah tahap disiplin pelatih PKN yang rata-rata berusia 17 dan 18 tahun pada masa ini merisaukan hingga program itu perlu diperkemas dan disusun semula?

Bagi saya tidak begitu merisaukan kerana peserta yang berdisiplin jauh lebih ramai. Bagaimanapun saya tidak menafikan ada di kalangan mereka yang tidak berdisiplin. Ada unsur 'gangsterisme' dengan melakukan vandalisme, memusnahkan harta benda, berperangai tidak senonoh dan sebagainya. Insiden seperti itu memang ada, saya tidak boleh nafikan.

Tetapi secara menyeluruh, majoriti 80 ke 90 peratus memang berdisiplin. Bagaimanapun, dalam pembinaan disiplin, kalau ada beberapa orang yang tidak berdisiplin, dia akan menggugat. Sebab itu kita pastikan disiplin harus ada pada semua orang. Kita terpaksa mendapatkan bantuan tentera. Apa yang berlaku ada dua kumpulan peserta.

Satu dari kem masuk ke IPTA (Institusi Pengajian Tinggi Awam), satu lagi terus ke IPTA, tidak pergi ke kem lagi. Dua kumpulan ini bertembung dalam kampus. Keadaan inilah yang menyebabkan ada pertikaian. Satu lagi ialah adanya hubungan begitu erat jurulatih dengan peserta yang terus berkomunikasi menerusi SMS dan sebagainya. Itu juga menjadi satu masalah kepada kita, apabila jurulatih kem campur tangan dalam urusan peserta di IPTA.

Jadi soal disiplin kita memang ada masalah tapi bukan sesuatu yang 'crucial' sehingga tidak dapat dikawal. Di Universiti Utara Malaysia (UUM) misalnya, pada mulanya ada pergaduhan, kecurian, pecah bilik... semua berlaku kerana tiada disiplin. Kini masuk minggu kedua dan keadaan telah berkurangan. Jadi bukan sesuatu yang tidak dapat dikawal.

Apakah aspek disiplin seperti lewat bangun, tidak menyertai latihan perbarisan dan mencuri telefon bimbit menimbulkan masalah kepada pengurusan PKN?

Pertama ialah pengurusan waktu sebab kalau dia tidak boleh patuh waktu, susahlah, misalnya 8.30 pagi kena turun tetapi masih lagi tidur... itu tidak betullah. Atau dia buat keputusan sendiri, ikut suka apa dia hendak buat. Ada juga tinggalkan kampus tanpa izin. Ada juga ambil peluang mencuri telefon bimbit, misalnya. Walaupun tidak banyak, ia jadi isu. Ini menyusahkan pengurusan.

Dulu kita fikir tidak benarkan telefon bimbit, tetapi kita anggap ia adalah kemudahan yang boleh digunakan untuk berhubung dengan ibu bapa. Tetapi baru-baru ini ada cadangan supaya telefon bimbit tidak dibenarkan, semua akan dikaji ketika 'post mortem'. Kalau ada banyak pandangan menyatakan telefon bimbit lebih mengganggu gugat pengurusan PKN, mungkin

pada tahun depan tidak dibenarkan. Tetapi ini saya tidak dapat putuskan sehingga majlis (MLPKN) membuat keputusan.

Mungkinkah sikap, jiwa yang memberontak dan layanan berbeza ketika di rumah menjadi punca yang mendorong kepada masalah disiplin?

Saya tengok lebih kepada panas baran. Kadang-kadang sebab sikit saja seperti soal berbaris. Kita fikir tidak logik soal berbaris ini menjadi masalah. Soal sindir-menyindir, mempersoalkan orang itu dan ini dan apabila tidak tahan, bergaduh. Sebab itu pergaduhan tidak ada unsur perkauman, semuanya atas dasar peribadi.

Yang jadi hebat apabila dia buat kumpulan. Daripada bergaduh seorang, jadi pergaduhan kumpulan. Kita ada kes seorang peserta dari Langkawi yang mempersoalkan seorang peserta dari kolej lain makan di kolej tempat dia tinggal. Jadi peserta itu bawa rakan pergi pukul peserta Langkawi itu. Tidak ada punca besar yang boleh kita kata mereka ini hendak dikatakan betul-betul 'gangster'. Punca itu kita fikir boleh selesai. Kita tengok ada kelonggaran dari segi disiplin sebab itu kita akan perkemaskan lagi.

Satu lagi kadang-kadang dia laporkan benda yang tidak betul kepada ibu bapa. Itu juga ada kaitan dengan tahap kematangan yang berbeza. Ada yang sudah bekerja... akal dia lebih. Yang sudah berkahwin pula, siang tidak apa, tetapi malam dia resah. jadi ini antara isu juga.

Adakah kemungkinan kes yang berlaku kerana tekanan mental pelatih?

Mungkin juga. Tetapi modul fizikal itu orang yang buta huruf pun tidak ada masalah. Tetapi pada modul yang memerlukan catatan, kita ada peserta yang tidak tahu membaca dan menulis. Tulis nama pun tak tahu. Ini masalah. Orang ini ada perasaan rendah diri.

Dan lebih menjemukan ada modul yang bersifat ceramah. Bukan semua suka. Tetapi soalnya bukan suka atau tidak. Ada juga jurulatih yang tidak pandai menyampaikan. Kelemahan itu bukan kerana modul tetapi lebih kepada cara penyampaian tidak menarik.

Ada yang beranggapan PKN dimulakan dalam skala yang terlalu besar sehingga menyebabkan masalah kepada pengawalan disiplin.

Masa kita buat percubaan dulu kita cuma babitkan 140 orang. Masa itu kita guna sebagai pengukur untuk melaksanakan PKN. Masa kita buat percubaan, kita nampak kelemahan dan kita perbaiki modul itu. Soal terlampau besar ia amat relatif sebab kalau kita urus 10 orang atau 100 orang, sama saja kerana masalahnya tetap sama. Cuma 85,000 orang kita nampak lebih besar. Tetapi kita tidak ada masalah infrastruktur, ia adalah masalah manusia. Yang lain, kemudahan baik.

Di IPTA, lagi tiada masalah kemudahan. Jadi ini soal manusia, peserta, jurulatih dan ibu bapa. Ini faktornya. Ibu bapa hanya bayangkan anaknya susah dalam kem. Nampak seperti kasih sayang ibu bapa terhadap anak itu pun jadi masalah, tidak sanggup berpisah. Ibu bapa begitu memanjakan.

Adakah Datuk nampak keperluan untuk memperkemaskan modul berkaitan disiplin pada masa depan.

Kita akan mengkaji semuanya. Pada Jun kita akan buat 'review' dan mendapatkan pandangan orang ramai dan pembetulan modul. Kita lihat apa cara yang lebih berkesan. Apakah masalah 'syllabus' atau masalah tenaga pengajar. Itu kita nak cari jalan penyelesaian. Kalau masalah 'syllabus', kita boleh pinda, kalau masalah tenaga pengajar, macam mana kita hendak latih supaya menjadi pengajar yang berkesan. Apa pun kita akan membuat proses kajian semula pada Jun ini.

Adakah Datuk fikir lebih banyak latihan ala tentera wajar diterapkan untuk membentuk disiplin peserta dengan lebih berkesan?

Kalau tanya saya, memang setuju sebab saya menggunakan diri saya sebagai indeks. Bagi saya memang ketenteraan dapat meningkatkan tahap pembinaan disiplin seseorang. Tetapi sayang, orang ramai melihat dengan dengan cara lain. Dia melihat ketenteraan sebagai satu tekanan perasaan dan mental.

Untuk saya yang sudah 29 tahun dalam tentera, saya tidak nampak ia sebagai satu tekanan mental sebab dia adalah satu ujian ketabahan. Kita tabah menghadapi rintangan dan ujian. Cuma kita jagalah supaya tidak keluar kata-kata kesat. Itu tak apa.

Tetapi cara latihan, lasaknya latihan, itu perkara yang penting. Bagaimanapun, saya tidak boleh menyatakan apa-apa kerana itu adalah keputusan. Saya jadi pengerusi pada Disember lalu. Semua proses modul telah dibuat awal. Saya tidak berani hendak komen, tetapi latihan ala ketenteraan itu saya amat setuju kerana ia membantu.

Yang kita tidak hendak, seperti kata Tun Dr Mahathir Mohamad, ialah latihan senjata. Jadi, tidak ada masalah, tetapi penekanan disiplin yang penting. Disiplin bagi saya, yang pertama ialah pengurusan waktu, kedua, kelasakan yang dapat membina kekukuhan peribadi ketiganya ialah mematuhi arahan.

Dalam hal disiplin tentera, kita melatih mereka sebagai pengikut. Kepengikutan itu membantu mereka apabila menjadi pemimpin. Kita tidak boleh latih dia terus jadi pemimpin, jadi eloklah dilatih jadi pengikut. Sekarang hanya dari segi latihan ala tentera tetapi kita hendak hidup mereka itu diliputi oleh disiplin. Dari bangun tidur hingga hendak tidur, semuanya berdisiplin.

Tidak banyak laporan pelanggaran disiplin peserta wanita berbanding lelaki. Boleh Datuk jelaskan fenomena itu.

Ya, ada juga mereka bergaduh tetapi tidaklah seperti budak lelaki. Saya anggap peserta perempuan 'well behave' (berkelakuan baik). Kalau hendak bandingkan, peserta lelakilah yang lebih teruk. Lepas makan terus tidur pun perangai lelaki. Perempuan patuh. Ini bukan saya reka, saya lihat sendiri. Saya turun padang dan melawat. Jam 8.30 pagi saya pergi periksa. Tengok peserta lelaki yang banyak tidak turun lagi. Mata pun merah lagi (baru bangun tidur). Sebenarnya dari sekolah kita tengok pelajar perempuan memang rajin dan taat. Kalau ada kes pun tidak banyak.

Secara keseluruhan apa yang Datuk cadangkan untuk memantapkan lagi program PKN.

Saya berasakan dalam modul latihan jurulatih perkara disiplin perlu ditekankan. Misalnya jurulatih bagi kenegaraan dan pembinaan watak hanya mengajar ikut waktu dia saja pada hal dia perlu bersama-sama membantu pembinaan disiplin. Dia kira elaun saja, ini tak boleh. Perkara begini dalam masa latihan jurulatih akan datang kita akan tekankan. Dia bukan saja melatih dalam kelas tetapi juga membantu dalam disiplin. Dia tidak boleh biarkan pelanggaran disiplin dalam kelas. Sekarang ini kita lihat dalam kelas kami penuh cop tapak kasut, ada contengan sebab jurulatih tidak memerhatikan aspek itu.

Boleh Datuk jelaskan lanjut mengenai isu vandalisme itu.

Kita berpendapat perkara itu tidak sepatutnya berlaku tetapi itulah hakikatnya. Kita tidak menduga sama sekali sikap pelajar itu begitu. Ini tidak ada kena mengenai sama ada dia masuk kem atau tidak. Ini perangai yang dibawa dari sekolah lagi atau tabiat di luar yang dibawa ke dalam PKN.

Di UUM setiap malam kita buat mesyuarat koordinasi antara pengetua kolej dan jurulatih bagi melihat isu berbangkit untuk kita selesaikan esoknya. Pemantauan dibuat dengan rapi daripada sekarang. Kita tidak tunggu hingga malam terakhir untuk memantau.

Ada pihak sebelum ini mencadangkan supaya PKN digantung atau dihentikan. Ada pula yang mahu konsep pelaksanaannya disusun semula. Apa pandangan Datuk?

Kita tidak boleh gantung sebab masalah disiplin bukan terpencil. Ia berlaku dalam masyarakat, di sekolah pun berlaku. Kita hanya mewarisi apa yang ada. Sudah tentu kita akan dapat memperbaikinya.

Sebab itu saya pernah cadangkan Kor Setia Negara diwujudkan pada peringkat sekolah rendah. Kita wajibkan semua pelajar. Jadi dalam beberapa tahun akan datang, keadaan akan berubah. Pelajar akan lebih berdisiplin.

Di sekolah pun guru berdepan dengan masalah disiplin. Nasib baik majoriti ok, sikit saja yang tidak ok. Tetapi yang sikit tidak ok itu pun mendatangkan masalah, apa lagi kalau ramai. Jika tangguh pun masalah sama akan berbangkit. Masalah itu adalah manifestasi daripada realiti apa yang berlaku di sekolah. Sebab itu kita perlu latih sejak kecil, disiplin dan semangat cintakan negara. Tak bolehlah kita hendak selesaikan masalah disiplin dengan penangguhan. PKN perlu berjalan tetapi kita bina masyarakat baru di sekolah rendah.

Apa fungsi ibu bapa untuk membantu.

Ada dua kumpulan ibu bapa. Satu yang tidak yakin kepada PKN boleh bantu memperbaiki personaliti anak dan kedua yang lepas tangan. Kalau boleh anak dapat masuk PKN, dia lepaskan terus. Ini dua yang ekstrim.

Sebenarnya, tanggungjawab ibu bapa sangat penting untuk membantu. Misalnya kita tidak tahu latar belakang peserta. Dia datang ke sini dalam keadaan kita tidak tahu latar belakang dan hendak diperbetulkan dalam masa tiga bulan.

Di sekolah berbelas tahun pun masih jadi masalah, inikan pula tiga bulan. Tetapi kita jamin majoriti peserta adalah berdisiplin, mampu mengikuti kelas dan menjadi peserta yang baik. Tapi ada ketikanya disebabkan nila setitik, rosak susu sebelanga.